



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### RUKUN TETANGGA PENGGERAK MASYARAKAT PROGRESIF

**BANGI, 5 November 2023** – Seramai kira-kira 500 orang peserta telah menyertai Konvensyen Rukun Tetangga Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 di Bangi Avenue Convention Centre, Selangor, hari ini. Majlis perasmian konvensyen telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.

Bertemakan “**Rukun Tetangga sebagai Penggerak Masyarakat Progresif**”, program ini diadakan sebagai platform untuk berkongsi amanat dan hala tuju baharu Kawasan Rukun Tetangga (KRT) selaras dengan hasrat Kementerian untuk Memperkasa KRT sebagai penggerak masyarakat progresif.

Selain itu, konvensyen ini turut diadakan bagi mempertingkat dan memperkuuhkan fungsi dan peranan Rukun Tetangga (RT) serta **melipatgandakan usaha untuk menjadikan RT sebagai penggerak aspirasi Kerajaan untuk memperkasa rakyat**.

Setelah 50 tahun penubuhannya, kejayaan RT bukan sahaja dalam aspek penyatuan masyarakat, malah telah mengorak langkah untuk memperkuuhkan kewujudan serta sumbangannya dalam pembangunan komuniti. RT telah **berjaya mengajak peranannya sebagai pengurus, pemimpin, pemacu dan penggerak yang efektif dalam komuniti setempat**.

*Profiling* kawasan adalah amat penting dalam menentukan strategi dan tindakan serta kesesuaian program yang dianjurkan bagi memberi impak optimum kepada komuniti. **Bermula tahun hadapan, satu daerah akan mempunyai satu model KRT Progresif.**

Bagi memperkuatkan lagi peranan KRT dalam komuniti di Malaysia, Kementerian telah memperkenalkan inisiatif terbaru iaitu **Pemerkasaan KRT sebagai Penggerak Masyarakat Progresif**. Melalui Belanjawan 2024, sebanyak RM20 juta diperuntukkan untuk memperkasa peranan KRT sebagai rujukan sosial yang menyediakan perkhidmatan dan penyebaran maklumat serta memupuk perpaduan dalam komuniti.

Kementerian turut memberi fokus kepada lapan (8) inisiatif bagi memastikan RT berfungsi sebagai entiti penting dan inklusif serta berupaya membangun masyarakat mampan dan progresif. Inisitif tersebut ialah **keselamatan komuniti, pendidikan sepanjang hayat, ekonomi dan sara hidup, daya cipta, alam sekitar, kepimpinan, kesejahteraan hidup serta warisan dan budaya**.

Sejajar dengan cabaran dan keperluan semasa, Kementerian telah mengambil langkah untuk membuat **semakan dan pindaan kepada Akta Rukun Tetangga 2012**. Satu bengkel pindaan akta tersebut telah dilaksanakan dan pelbagai cadangan pindaan telah dibincangkan merangkumi pemanjangan tempoh pelantikan Anggota Jawatankuasa Rukun Tetangga daripada dua (2) tahun bagi satu penggal kepada tiga (3) tahun, penggantungan keanggotaan Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan implikasi kepada pihak-pihak yang menghalang tugas SRS.

Pelbagai pengisian diadakan sempena konvensyen ini seperti Karnival Ekonomi Rukun Tetangga serta Sesi Pencerahan Minda bertajuk Pembudayaan Masyarakat MADANI : Membangun Masyarakat Progresif dan Strategi Pemerikasaan Rukun Tetangga Sebagai Penggerak Masyarakat Progresif.

Kementerian Perpaduan Negara  
5 November 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agenzia Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh: Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: pro@perpaduan.gov.my  
No rujukan: KPN UKK 100-15/5/4 .Ild 2 (20)